



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

PELAN ANTIRASUAH

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM (JPA)

2 0 2 1 - 2 0 2 5





JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

Kandungan

Prakata

Perutusan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

Ringkasan Eksekutif

Pengenalan

- 1.1 Latar Belakang
- 1.2 Fungsi Dan Peranan
- 1.3 Visi, Misi Dan Objektif Jabatan
- 1.4 Dasar Integriti Dan Tadbir Urus Nasional
- 1.5 Keperluan Pembangunan Pelan Antirasuah (OACP) JPA

Isu Dan Cabaran

- 2.1 Isu Dan Cabaran Menangani Rasuah
- 2.2 Pembangunan Pelan OACP JPA
- 2.3 Analisis Data

Memperkasa Usaha Pencegahan Rasuah

- 3.1 Kerangka Utama OACP JPA
- 3.2 Bidang-Bidang Keutamaan Berisiko
- 3.3 Ringkasan Kerangka OACP JPA 2021-2025
- 3.4 Strategi Dan Objektif Strategik
- 3.5 Pelan Tindakan OACP JPA

Tadbir Urus OACP JPA

- 4.1 Mekanisme Pelaksanaan
- 4.2 Mekanisme Penyelarasan, Pemantauan Dan Penilaian

Kesimpulan

Penghargaan

Bab 1

3

4

7

Bab 2

13

Bab 3

20

Bab 4

29

Bab 5

32

35

Perutusan

KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM



Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera.

Pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Jabatan Perkhidmatan Awam adalah satu bentuk perancangan awal yang boleh membantu jabatan dalam kempen pencegahan aktiviti rasuah, salah guna kuasa dan kelemahan tadbir urus jabatan.

Berkesinambungan dari Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 yang telah dilancarkan pada 29 Januari 2019, matlamat utamanya adalah untuk memastikan pengurusan pentadbiran Kerajaan bebas daripada amalan rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan serta mencapai aspirasi nasional iaitu “Malaysia dikenali kerana integriti dan bukannya rasuah”. Bagi merealisasikan matlamat tersebut, dalam Bab 3: Memperkasakan Usaha Pencegahan Rasuah Nasional, Pelan Anti Rasuah Nasional 2019-2023, menyatakan agar setiap pemegang taruh perlu menangani permasalahan rasuah di organisasi masing-masing melalui Pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP).

Perkhidmatan Awam merupakan tulang belakang kepada jentera pentadbiran Kerajaan khususnya dalam sistem penyampaian perkhidmatan kepada rakyat. Oleh itu, penjawat awam yang berintegriti dan boleh diteladani adalah merupakan aset penting bagi mewujudkan Perkhidmatan Awam yang efisien dan berkesan serta dipandang tinggi. Justeru, saya berharap dengan pelaksanaan OACP JPA ini bakal mewujudkan satu budaya kerja yang berintegriti, antirasuah dan beretika kepada warga JPA khususnya dan perkhidmatan awam amnya. Perancangan seumpama ini hendaklah dilaksanakan dengan komitmen yang tinggi di semua peringkat. Semoga kesemua 26 pelan tindakan yang dirancang dapat dilaksanakan sepertimana tempoh yang dijanjikan.

SAYA YANG MENJALANKAN AMANAH,
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



YBHG. TAN SRI MOHD KHAIRUL ADIB BIN ABD RAHMAN
KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM

Ringkasan Eksekutif

Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP) Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) 2021-2025 telah dibangunkan hasil daripada komitmen penuh Jawatankuasa Pembangunan OACP JPA yang dilantik serta kerjasama warga JPA dari pelbagai peringkat. Dokumen ini menggariskan tiga (3) strategi utama dalam menangani permasalahan isu integriti, governans, dan juga rasuah. Tiga (3) bidang utama yang telah dikenalpasti terdedah kepada permasalahan integriti, governans dan rasuah di JPA iaitu tadbir urus, pengurusan kewangan dan perolehan, dan pembangunan sumber manusia.

1

PENGENALAN

Merangkumi latar belakang organisasi dan bidang tugas utama (*core business*) JPA

2

ISU DAN CABARAN

Merangkumi isu dan permasalahan, di samping analisis data (dalaman dan luaran) bagi menghasilkan pelan tindakan yang bersesuaian

3

MEMPERKASA ISU PENCEGAHAN RASUAH

Kerangka utama OACP JPA dan senarai pelan tindakan yang telah dihasilkan bagi mencapai visi dan misi OACP JPA

4

TADBIR URUS OACP JPA

Menyentuh aspek berkaitan dengan mekanisme pelaksanaan, penyelarasan, pemantauan dan penilaian.

5

KESIMPULAN

Merumuskan keseluruhan pelaksanaan pembangunan OACP JPA

ALLAH S.W.T BERFIRMAN

“Hai orang-orang yang beriman, janganlah kalian mengkhianati Allah dan Rasul-(Nya) dan (juga) janganlah kalian mengkhianati amanat-amanat yang dipercayakan kepada kalian, sedangkan kalian mengetahui. Dan ketahuilah bahwa harta kalian dan anak-anak kalian itu hanyalah sebagai cubaan, dan sesungguhnya di sisi Allahlah pahala yang besar.”

Surah Al-Anfal, Ayat 27 dan 28

BAB 1

Pengenalan

- 1.1 Latar Belakang
- 1.2 Fungsi Dan Peranan
- 1.3 Visi, Misi Dan Objektif Jabatan
- 1.4 Dasar Integriti Dan Tadbir Urus Nasional
- 1.5 Keperluan Pembangunan Pelan Antirasuah (OACP) JPA



1.1 LATAR BELAKANG

Sejarah JPA bermula sejak 22 Ogos 1934 dengan penubuhan Pejabat Perjawatan Malaya di Singapura. Ia kemudiannya berpindah ke Kuala Lumpur berikutan dengan penubuhan Malayan Union pada tahun 1946. Pada tahun 1967, nama “Pejabat Perjawatan Persekutuan” ditukar kepada “Pejabat Perjawatan Malaysia”. Setahun kemudian, iaitu pada 15 Ogos 1968, nama “Jabatan Perkhidmatan Awam” telah mula digunakan. Pelaksanaan transformasi perkhidmatan awam membawa dimensi baharu kepada tanggungjawab dan fungsi yang sedia ada.

1.2 FUNGSI DAN PERANAN

1.2.1 PERANCANGAN

- ▶ Menentukan peranan sektor awam;
- ▶ Menentukan saiz dan struktur organisasi agensi awam;
- ▶ Menentukan keperluan dan pembangunan sumber manusia;
- ▶ Menentukan saaraan dan faedah-faedah persaraan;
- ▶ Menentukan implikasi penswastaaan/pengasingan ke atas sumber manusia sektor awam; dan
- ▶ Membangunkan *strategic alliances dan networking*.

1.2.2 PEMBANGUNAN

- ▶ Menentukan Dasar Pembangunan Organisasi;
- ▶ Menentukan Dasar Pembangunan Kerjaya;
- ▶ Pembangunan Laluan Kerjaya;
- ▶ Membangunkan Pelan Perancangan Penggantian; dan
- ▶ Menentukan Dasar Latihan.

1.2.3 PENGURUSAN

- ▶ Menguruskan pengambilan, penempatan, saaraan, kenaikan pangkat, faedah persaraan, syarat-syarat perkhidmatan, perhubungan pekerja-majikan, latihan dan latihan sumber manusia;
- ▶ Menggubal dan memperjelaskan dasar bagi perkara-perkara yang dinyatakan di atas kepada agensi-agensinya pelaksanaan;
- ▶ Menguruskan pemantauan dasar; dan
- ▶ Menguruskan penilaian dasar.

1.3 VISI, MISI DAN OBJEKTIF JABATAN

Visi

Perkhidmatan Awam berprestasi tinggi, berintegriti, dinamik dan berjiwa rakyat

Misi

Memacu dan Meneraju Pembangunan Sumber Manusia Perkhidmatan Awam

Slogan

“Peneraju Pembaharuan, Penggerak Perubahan”

Menambah baik tadbir urus, mendukung akauntabiliti dan ketelusan dalam pentadbiran Kerajaan. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) berperanan sebagai penggerak utama dalam pembaharuan keseluruhan perkhidmatan awam supaya lebih cekap dan efektif dari segi pembangunan dan pengurusan sumber manusia yang diyakini dan dipercayai rakyat.

1.3.4 OBJEKTIF

- ▶ Merasionalisasi saiz Perkhidmatan Awam melalui perancangan sumber manusia yang sistematik dan berstruktur dengan menjalankan unjuran keperluan sumber manusia yang menyeluruh.
- ▶ Menyediakan Perkhidmatan Awam dengan skim perkhidmatan dan struktur organisasi yang relevan, anjal serta memenuhi keperluan semasa bagi membolehkan organisasi melaksanakan fungsi penubuhannya
- ▶ Melahir dan membangun modal insan terbaik serta kompeten untuk memenuhi keperluan strategik Perkhidmatan Awam dan negara melalui dasar latihan dan program penajaan yang dinamik
- ▶ Menguruskan penjawat awam dan membangunkan dasar pengurusan sumber manusia melalui penggubalan dan pelaksanaan dasar perkhidmatan yang strategik dan berkesan
- ▶ Menggubal dasar dan garis panduan berkaitan perkhidmatan psikologi mengikut keperluan semasa bagi memantapkan pembangunan sumber manusia di dalam perkhidmatan awam
- ▶ Mengutamakan kebajikan pesara dan penerima pencen melalui penambahbaikan dasar-dasar pasca perkhidmatan
- ▶ Memperkenal pakej saraan terbaik dan menyeluruh kepada penjawat awam serta menjalin hubungan harmoni majikan-pekerja
- ▶ Memantapkan penggunaan teknologi dalam pengurusan sumber manusia ke arah meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan

1.3.5 NILAI-NILAI TERAS / KOD ETIKA JPA

- ▶ Bertindak Sebagai Satu Pasukan
- ▶ Kecemerlangan dan Keunggulan
- ▶ Profesionalisme
- ▶ Berhemah dan Berwibawa

1.4 DASAR INTEGRITI DAN TADBIR URUS NASIONAL

Dalam menuju ke arah status negara maju dan berpendapatan tinggi, agenda pembanteras rasuah telah menjadi keutamaan negara. Kerajaan telah membangunkan beberapa inisiatif utama di peringkat nasional iaitu Pelan Integriti Nasional (PIN) 2004, Pelan Transformasi Kerajaan (GTP) 2010, Pelan Transformasi Kerajaan 2.0 (GTP 2.0) 2013, dan yang terkini Pelan Anti Rasuah Nasional (NACP) 2019-2023. Kerajaan Malaysia sentiasa peka dan berusaha melaksanakan pelbagai inisiatif bagi menangani isu-isu integriti, governans dan anti rasuah di dalam negara.

Pada 8 Jun 2018, Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan (JKKMKPK) Siri 70 (Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti-Rasuah (JKKMAR) Siri 1) Bil. 1 Tahun 2018 yang dipengerusikan oleh YAB Tun Dr. Mahathir bin Mohamad, mantan Perdana Menteri Malaysia ke-7, telah memutuskan supaya satu pelan antirasuah yang menyeluruh perlu dirangka untuk menangani isu berkaitan rasuah di negara ini. Bagi merealisasikan arahan tersebut, Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC) dengan sokongan penuh daripada semua pemegang taruh yang berkaitan telah merangka satu pelan khusus yang dikenali sebagai NACP bagi menangani permasalahan rasuah, integriti dan tadbir urus di negara ini.

1.5 KEPERLUAN PEMBANGUNAN PELAN ANTIRASUAH (OACP) JPA

Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 telah dilancarkan pada 29 Januari 2019. Matlamat utamanya adalah untuk memastikan pengurusan pentadbiran Kerajaan bebas daripada amalan rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan serta mencapai aspirasi nasional “Malaysia dikenali kerana integriti dan bukannya rasuah”. Bagi merealisasikan matlamat tersebut, setiap pemegang taruh dikehendaki menangani permasalahan rasuah dengan membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) berdasarkan fungsi dan peranan organisasi masing-masing sepertimana inisiatif yang digariskan di bawah Bab 3: Memperkasakan NACP 2019-2023.

Pembangunan OACP adalah satu inisiatif mandatori di bawah “Strategi 2: Memperkukuhkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam” yang mana telah mewajibkan semua sektor awam untuk membangunkan OACP dengan bantuan 3 buah agensi iaitu Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC) dan Institut Integriti Malaysia (IIM). NACP 2019-2023 menggariskan berkenaan keperluan pembangunan OACP di peringkat Jabatan/ Kementerian yang bertujuan untuk menangani permasalahan dan kelemahan governans, integriti dan antirasuah dalam organisasi. Berdasarkan NACP, OACP hendaklah dirangka dengan mengambil kira Pelan bagi jangkamasa 3 tahun atau 5 tahun pelaksanaan.

Susulan itu, Jabatan ini telah memulakan perancangan pelaksanaan OACP sejak tahun 2019 dengan membuat kajian dan penilaian awal risiko-risiko rasuah meliputi semua bahagian di JPA. Dalam hal ini, OACP JPA akan dilaksanakan dalam tempoh masa 5 tahun iaitu dari tahun 2021-2025. Ruang lingkup pelaksanaan OACP JPA hendaklah merangkumi semua aspek berkaitan antirasuah, integriti dan tadbir urus yang melibatkan semua bidang dan aktiviti yang terdapat dalam jabatan.

BAB 2

Isu Dan Cabaran

- 2.1 Isu Dan Cabaran Menangani Rasuah
- 2.2 Pembangunan Pelan OACP JPA
- 2.3 Analisis Data



2.1 ISU DAN CABARAN MENANGANI RASUAH

Pada tahun 2020, kedudukan Malaysia dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI) yang dikeluarkan oleh Transparency International telah merosot sebanyak 6 tangga ke kedudukan ke-57 berbanding tahun 2019 iaitu di kedudukan ke-51. Sehubungan dengan itu, masih banyak lagi perkara yang perlu diperbaiki dalam agenda untuk meningkatkan integriti rakyat, memperbetulkan tadbir urus negara dan memerangi rasuah.

Data Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) terhadap penglibatan penjawat awam dalam kes rasuah menunjukkan sebanyak 1100 tangkapan kes rasuah telah dilakukan pada tahun 2019, 525 kes adalah daripada penjawat awam. Daripada 525 kes, sebanyak 288 kes telah dihadapkan pertuduhan dan sebanyak 104 telah disabitkan dengan kesalahan rasuah. Sebanyak 47.6% kes rasuah berlaku dalam kalangan penjawat awam sepanjang lima (5) tahun ini. Daripada jumlah ini, sebanyak 72.3% kes adalah daripada kumpulan pelaksana dan 52.6% kes adalah melibatkan individu yang berumur 40 tahun ke bawah. Selain itu, berdasarkan penarafan semula risiko rasuah yang dilaksanakan oleh SPRM pada tahun 2020, JPA telah dikategorikan berisiko sederhana terhadap perlakuan rasuah.

Berdasarkan analisis ke atas maklumat rasuah di Malaysia, Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023, terdapat empat (4) punca utama berlakunya amalan rasuah iaitu:

Kegagalan pentadbiran (manipulasi terhadap sistem dan prosedur)

1

Konflik kepentingan (kuasa budibicara, kuasa mutlak dan campur tangan politik)

2

Kelemahan kawalan dalaman dan ketidakpatuhan

3

Kurang ketelusan

4

2.2 PEMBANGUNAN PELAN OACP JPA

Sepanjang sesi pembangunan OACP JPA berlangsung, pelbagai data dan maklumat telah dianalisa bagi menentukan risiko dan bidang-bidang yang perlu diberi tumpuan oleh bahagian dan unit dalam tempoh lima (5) tahun ke hadapan.

JPA telah melaksanakan Corruption Risk Management (CRM) bagi mengenalpasti risiko-risiko berkaitan governans, integriti dan antirasuah di JPA yang berupaya menjejaskan penyampaian perkhidmatan dan imej organisasi.

Antara mekanisme yang digunakan adalah seperti berikut:

Pelaksanaan Corruption Risk Management (CRM)

Satu Bengkel Pengurusan Risiko Rasuah bagi Pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi (PRR OACP) telah dijalankan selama tiga (3) hari bermula pada 25 Jun 2019 sehingga 27 Jun 2019 yang melibatkan pegawai-pegawai Kanan JPA daripada semua bahagian dan unit yang mana telah dikendalikan dengan bantuan pihak SPRM.

Pelaksanaan Bengkel Pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP)

Bengkel Pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi (PRR OACP) anjuran Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) telah berlangsung selama empat (4) hari bermula pada 12 Julai 2021 sehingga 15 Julai 2021. Seramai tujuh (7) orang pegawai Kanan JPA yang merupakan Ahli Jawatankuasa Pembangunan OACP JPA telah hadir bagi menjayakan objektif bengkel tersebut.

Pengemaskinian dan pengukuhan hasil dapatan risiko-risiko governans, integriti dan antirasuah semasa

Sesi Perbincangan Penyediaan Draf Strategi dan Pemurnian Pelan Tindakan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) bersama semua bahagian dan unit telah dilaksanakan pada 23 September 2021 bagi memastikan setiap inisiatif tersebut mencapai objektif OACP yang telah disasarkan.

Data-data dalaman organisasi seperti Laporan Kes Tatatertib, Aduan Integriti, Laporan Pemerhatian Audit, dan Kaji Selidik Rasuah, Governans dan Integriti kepada warga JPA.

Data-data daripada agensi luar seperti SPRM, GIACC, dan Biro Pengaduan Awam (BPA)

Input yang diperoleh melalui sesi libat urus langsung bersama-sama pegawai-pegawai kanan bahagian/unit.

2.3 ANALISIS DATA

Pelbagai sumber data dan maklumat telah diberi perhatian dalam usaha mengenal pasti risiko-risiko berkaitan urus tadbir, integriti dan rasuah di JPA. Hal ini penting bagi memastikan JPA sentiasa berada di tahap terbaik dari sudut penyampaian perkhidmatan dan imej organisasi.

Justeru, Jawatankuasa Pembangunan Pelan Antirasuah (OACP) JPA telah menganalisa beberapa data yang berkaitan (sumber dalaman dan luaran) bagi membantu usaha mengenal pasti risiko-risiko yang berupaya menyumbang ke arah kelemahan, tadbir urus, integriti dan rasuah. Data-data yang dikaji diperolehi daripada Laporan Ketua Audit Negara (LKAN), Laporan Kes Tatatertib JPA, Maklumat Aduan SPRM terhadap JPA, Aduan Integriti JPA, Laporan Sistem Pengurusan Audit Nilai JPA Tahun 2019, Dapatan Kajian Soal Selidik Berkaitan Isu Rasuah, Governans dan Integriti dan sumber-sumber dalaman lain yang berkaitan.

Hasil dapatan kajian dan analisis tersebut, risiko dalaman dan luaran telah dikenal pasti bagi menentukan sebarang bentuk ancaman dan peluang yang berpotensi yang menyebabkan berlakunya perlakuan salah laku rasuah, penyelewangan dan salah guna kuasa dalam kalangan warga JPA. Pelan tindakan penambahbaikan dan inisiatif tambahan juga telah diwujudkan dan akan dilaksanakan terutama dari segi pemantapan program yang dapat mengurangkan risiko antirasuah, isu integriti dan tadbir urus dalam kalangan warga JPA.

Semakan semula dan penilaian risiko semasa akan dipantau dari semasa ke semasa bagi memastikan strategi dan pelan tindakan yang dilaksanakan sentiasa menepati objektif dan selari dengan keperluan semasa.

LAPORAN TATATERTIB WARGA JPA

Berdasarkan laporan tindakan tatatertib warga JPA bagi tempoh lima (5) tahun bermula tahun 2016 sehingga 2020, terdapat 45 kes dan salah laku disiplin yang dikenakan tindakan tatatertib.



45 jenis kesalahan di JPA dibahagikan seperti berikut :

Bil.	JENIS KESALAHAN	TAHUN					JUMLAH
		2016	2017	2018	2019	2020	
1.	Tidak hadir bertugas	-	4	4	3	5	16
2.	Penyalahgunaan Dadah	-	2	-	-	1	3
3.	Gangguan Seksual	-	-	-	-	1	1
4.	Tidak jujur/ tidak amanah	-	2	-	-	3	5
5.	Lain-lain	11	6	1	-	2	20
JUMLAH		11	14	5	3	12	45

ADUAN INTEGRITI WARGA JPA

Berdasarkan laporan aduan integriti yang diterima oleh Unit Komunikasi Korporat (UKK) JPA, terdapat 85 jumlah aduan yang diterima berkaitan integriti sepanjang tempoh tiga (3) tahun bermula tahun 2019 sehingga 2021. Walau bagaimanapun hanya satu (1) sahaja aduan integriti yang melibatkan dalaman JPA manakala selebihnya adalah melibatkan isu-isu luaran berkaitan kementerian/ jabatan/ agensi luar yang lain.

LAPORAN SPRM BERKAITAN JPA

Berdasarkan aduan berkaitan salah laku rasuah terhadap JPA yang diterima oleh SPRM bagi tempoh 2016 sehingga 2021, terdapat 24 maklumat telah direkodkan di mana hanya satu (1) kertas siasatan telah dibuka yang melibatkan JPA dan telah disabitkan kesalahan.


Rajah 1: Statistik JPA bagi tahun 2016 hingga 2021 di SPRM

Tahun	Maklumat	Kertas Siasatan	Tangkapan	Pertuduhan	Sabitkan
2016	2	0	0	0	0
2017	8	0	0	0	0
2018	2	0	0	0	0
2019	2	0	0	0	0
2020	8	1	1	1	1
2021	2	0	0	0	0
JUMLAH	24	1	1	1	1

BAB 3

Memperkasa Usaha Pencegahan Rasuah

- 3.1 Kerangka Utama OACP JPA
- 3.2 Bidang-Bidang Keutamaan Berisiko
- 3.3 Ringkasan Kerangka OACP JPA 2021-2025
- 3.4 Strategi Dan Objektif Strategik
- 3.5 Pelan Tindakan OACP JPA



3.1 KERANGKA UTAMA OACP JPA

VISI

Ke arah melahirkan warga JPA yang berintegriti tinggi dan bebas rasuah.

MISI

Memacu dan Meneraju Pembangunan Sumber Manusia Perkhidmatan Awam melalui Pemerkasaan dan Pengukuhan Aspek Governans, Integriti dan Antirasuah.

MATLAMAT

Memantapkan dan memperkukuhkan governans, integriti dan antirasuah meliputi semua aktiviti organisasi.

BIDANG KEUTAMAAN

- Tadbir Urus
 - Pembangunan Sumber Manusia
 - Pengurusan Kewangan Dan Perolehan

STRATEGI

1

Memperkasakan tadbir urus organisasi ke arah perkhidmatan yang berkesan

2

Mempertingkatkan keberkesanan dan ketelusan kewangan dan perolehan awam

3

Memperkukuh kompetensi modal insan dan profesionalisme

3.2 BIDANG-BIDANG KEUTAMAAN BERISIKO

Berdasarkan penilaian risiko yang telah dijalankan, tiga (3) bidang utama yang terdedah kepada risiko governans, integriti dan antirasuah di JPA yang telah dikenal pasti:

TADBIR URUS

Sektor tadbir urus merangkumi pengurusan hal ehwal pentadbiran sesebuah organisasi dalam melaksanakan fungsi dan matlamat organisasi tersebut. Perkara penting yang perlu diberi perhatian dan mencerminkan imej organisasi adalah penyampaian perkhidmatan yang ditawarkan oleh organisasi.

PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

Menyedari betapa pentingnya usaha-usaha pembangunan sumber manusia dalam sektor awam, setiap anggota perkhidmatan awam perlu melengkapkan diri dengan sikap (attitude), kemahiran (skills) dan pengetahuan (knowledge) berkaitan integriti dan urus tadbir baik, melalui program pembangunan sumber manusia yang terancang dan berteraskan pembangunan kompetensi serta pembelajaran berterusan. Program-program dirancang seawal perkhidmatan bagi membentuk jati diri, nilai murni dan etika kerja yang berterusan selaras dengan kompetensi serta kehendak perkhidmatan.

PENGURUSAN KEWANGAN DAN PEROLEHAN

Pengurusan kewangan dan perolehan tidak hanya bertujuan bagi memastikan sumber organisasi adalah mencukupi bagi melaksanakan aktiviti tetapi yang lebih penting adalah untuk mempamerkan akauntabiliti. Kelemahan dalam akauntabiliti boleh mendorong berlakunya penyelewengan seperti penipuan, kecurian dan aktiviti yang menyalahi undang-undang. Sekiranya terdapat kelemahan pada pengurusan kewangan dan perolehan yang dilaksanakan oleh organisasi, ia akan melibatkan peruntukan dan sumber kewangan yang besar. Oleh itu, setiap organisasi perlu melaksanakannya dengan cekap dan teratur agar kepentingan organisasi dapat dilindungi, tiada pembaziran dan ketirisan sumber kewangan yang digunakan.

3.3 RINGKASAN KERANGKA OACP JPA 2021-2025



3.4 STRATEGI DAN OBJEKTIF STRATEGIK

STRATEGI 1 :

Memperkasakan tadbir urus organisasi ke arah perkhidmatan yang berkesan

OBJEKTIF STRATEGIK :

- 1.1 Meningkatkan akauntibiliti dan keupayaan organisasi
- 1.2 Mengoptimumkan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT)

STRATEGI 2 :

Memperkukuh kompetensi modal insan dan profesionalisme

OBJEKTIF STRATEGIK :

- 2.1 Meningkatkan modal insan berintegriti dan berakauntibiliti

STRATEGI 3 :

Mempertingkat keberkesanan dan ketelusan kewangan dan perolehan

OBJEKTIF STRATEGIK :

- 3.1 Memantapkan keberkesanan dan ketelusan pengurusan kewangan dan perolehan organisasi

3.5 PELAN TINDAKAN OACP JPA

BIDANG KEUTAMAAN : TADBIR URUS

NO.	PELAN TINDAKAN	PELAKSANA	TEMPOH MASA
STRATEGI	1.0	Memperkasakan tadbir urus organisasi ke arah perkhidmatan yang berkesan	
OBJEKTIF STRATEGIK	1.1	Meningkatkan akauntibiliti dan keupayaan organisasi	
1.1.1	Melaksanakan pusingan kerja pegawai di jawatan sensitif berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 2004.	Bahagian Khidmat Pengurusan	Setiap tahun (2021- 2025)
1.1.2	Mempertingkatkan tahap prosedur/ fasiliti kawalan keselamatan fizikal dan bangunan di JPA untuk mengelakan berlaku pencerobohan dan kebocoran maklumat terperinci.	Bahagian Khidmat Pengurusan	Setiap tahun (2022 - 2025)
1.1.3	Pelaksanaan Audit Kualiti MS ISO 9001:2015 untuk pemantauan prosedur kerja/ program di setiap bahagian JPA.	Bahagian Khidmat Pengurusan	Setiap tahun (2021 - 2025)
1.1.4	Kajian Semula <i>Corruption Risk Management (CRM)</i> JPA	Unit Integriti	Setiap tahun (2021 - 2025)
1.1.5	Pelaksanaan Sistem Pengurusan Amalan Nilai (SPAN 2.0)	Bahagian Khidmat Pengurusan	Setiap 2 tahun sekali (2021- 2025)
1.1.6	Mengemaskini prosedur kerja bagi memastikan hanya pegawai yang terlibat dengan urusan persaraan sahaja mempunyai akses kepada sistem pengurusan persaraan.	Bahagian Pasca Perkhidmatan	Setiap tahun (2021- 2025)
1.1.7	Menambahbaik saluran aduan dalaman berkaitan tatakelakuan pegawai	Unit Integriti & Unit Komunikasi Korporat	1 tahun (2021 - 2022)
1.1.8	Pemantauan terhadap pengisytiharaan harta pegawai.	Unit Integriti	2 kali/ tahun (2021 - 2025)

NO.	PELAN TINDAKAN	PELAKSANA	TEMPOH MASA
1.1.9	Penguatkuasaan Arahan Pentadbiran: (a) Dokumen Terhad (Skim & Dasar Perjawatan) - Mendokumenkan secara teratur segala prosedur dan arahan berkaitan penstrukturan dan pengukuhan perjawatan dan menerbitkan dalam bentuk buku untuk diberikan kepada setiap pegawai sebagai panduan utama melaksanakan tugas dengan penuh integriti.	Bahagian Pembangunan Organisasi	Mengikut keperluan (2021-2025)
1.1.10	Pelaksanaan Program <i>Knowledge Sharing Sistem MS ISO 37001:2016 Anti Bribery Management Systems (ABMS)</i>	Unit Integriti	Mengikut keperluan (2022 - 2025)
1.1.11	Pemantauan berterusan melalui kaedah tapisan integriti.	Unit Integriti	Setiap tahun secara berkala (2022- 2025)

STRATEGI	1.0	Memperkasakan tadbir urus organisasi ke arah perkhidmatan yang berkesan	
OBJEKTIF STRATEGIK	1.1	Mengoptimumkan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT)	
NO.	PELAN TINDAKAN	PELAKSANA	TEMPOH MASA
1.2.1	Bengkel Kesedaran Keselamatan ICT bersama warga JPA dan Pembekal	Bahagian Pembangunan dan Pengurusan Maklumat Strategik	2 kali/ tahun (2021 - 2025)
1.2.2	Peringatan melalui poster-poster keselamatan ICT	Bahagian Pembangunan dan Pengurusan Maklumat Strategik & Unit Komunikasi Korporat	Sepanjang tahun (2021 - 2025)

NO.	PELAN TINDAKAN	PELAKSANA	TEMPOH MASA
1.2.3	Pelaksanaan <i>Security Posture Assessment</i> (SPA)	Bahagian Pembangunan dan Pengurusan Maklumat Strategik	Setiap tahun (2021 - 2025)
1.2.4	Pelaksanaan Polisi Keselamatan Siber JPA	Bahagian Pembangunan dan Pengurusan Maklumat Strategik	Secara berterusan (2021- 2025)
1.2.5	Semakan semula Polisi Keselamatan Siber JPA	Bahagian Pembangunan dan Pengurusan Maklumat Strategik	Setiap tahun mengikut keperluan (2021- 2025)

BIDANG KEUTAMAAN : PEMBANGUNAN MODAL INSAN

STRATEGI	2	Memperkuh kompetensi modal insan dan profesionalisme
OBJEKTIF STRATEGIK	2.1	Meningkatkan modal insan berintegriti dan berakauntibiliti

NO.	PELAN TINDAKAN	PELAKSANA	TEMPOH MASA
2.1.1	<p>Menganjurkan program latihan/ kursus generik berkaitan nilai-nilai murni, integriti dan kempen antirasuah terbuka kepada semua warga JPA.</p> <ul style="list-style-type: none"> Sesi Perhimpunan Bulanan bersama KPPA <i>Executive Talk</i> Kursus Integriti Pegawai Sesi Induksi Pegawai Baharu 	Bahagian Khidmat Pengurusan, Bahagian Perkhidmatan, Bahagian Pembangunan Organisasi, Bahagian Penyelidikan, Perancangan, dan Dasar, Unit Integriti dan Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)	Setiap tahun (2021- 2025)
2.1.2	<p>Melaksanakan pengurusan modal insan melalui aplikasi psikologi (penilaian, pembangunan dan intervensi) dalam aspek memperkuhkan integriti, governans dan rasuah.</p> <ul style="list-style-type: none"> Memelihara kerahsiaan penjawat awam bagi perkhidmatan kaunseling berlandaskan Akta Kaunselor 1998 Ujian psikologi dalam pengurusan sumber manusia secara digital Pengurusan kes rujukan mandatori melalui Mesyuarat Panel yang tertutup 	Bahagian Pengurusan Psikologi	Secara berterusan (2021- 2025)
2.1.3	<p>Melaksanakan program kesedaran keselamatan dan perkongsian pengetahuan mengenai kepentingan untuk menjaga data dan maklumat pesara.</p>	Bahagian Pasca Perkhidmatan	Setiap tahun (2022- 2025)

NO.	PELAN TINDAKAN	PELAKSANA	TEMPOH MASA
2.1.4	Melaksanakan Kursus Pengurusan Tatatertib	Unit Integriti	Setiap tahun (2021- 2025)
2.1.5	Melaksanakan program/kursus Pengurusan Dokumen Rahsia Rasmi: Teguran Inspektorat Pematuhan Keselamatan Perlindungan dan Inspektorat Arkib Negara	Bahagian Pembangunan Organisasi	2 kali/ tahun (2022-2025)

BIDANG KEUTAMAAN : PENGURUSAN KEWANGAN DAN PEROLEHAN

STRATEGI	3	Mempertingkatkan keberkesanan dan ketelusan kewangan dan perolehan
OBJEKTIF STRATEGIK	3.1	Memantapkan keberkesanan dan ketelusan pengurusan kewangan dan perolehan organisasi

NO.	PELAN TINDAKAN	PELAKSANA	TEMPOH MASA
3.1.1	Menganjurkan program latihan/ kursus fungsian berkaitan Pengurusan Kewangan, tatacara perolehan Kerajaan, Pengurusan Rekod/ Dokumen Terperingkat (contoh; Sistem DDMS), Arahan Keselamatan dan Pelan Pengurusan Risiko JPA terbuka kepada semua warga JPA.	Bahagian Khidmat Pengurusan	Setiap tahun (2021- 2025)
3.1.2	Mewujudkan Pekeliling Dalam berkaitan pengurusan kewangan dan perolehan, contoh: Arahan KPPA dan penggunaan <i>Integrity Pack</i> bagi Jawatankuasa Sebutharga JPA	Bahagian Khidmat Pengurusan	Mengikut keperluan (2021-2025)
3.1.3	Pengauditan secara berkala terhadap Pengurusan Perolehan di Bahagian/ Unit	Unit Audit Dalam	Setiap tahun (2022- 2025)
3.1.4	Pemeriksaan Mengejut berdasarkan arahan Pengurusan Tertinggi (jika perlu)	Unit Audit Dalam	Setiap tahun (2022- 2025)
3.1.5	Melaksanakan program pentauliah dengan mewajibkan semua pegawai yang terlibat dengan Jawatankuasa Perolehan dan Sebutharga JPA menghadiri kursus-kursus berkaitan Tatacara Perolehan Kerajaan.	Bahagian Khidmat Pengurusan	Setiap tahun (2021 - 2025)

BAB 4

Tadbir Urus OACP JPA

4.1 Mekanisme Pelaksanaan

4.2 Mekanisme Penyelarasan, Pemantauan Dan Penilaian



4.1 MEKANISME PELAKSANAAN

Selaras dengan usaha untuk memastikan inisiatif antirasuah JPA dilaksanakan secara cekap dan sistematik, Unit Integriti JPA bertindak sebagai Sekretariat penyelaras Pelan Antirasuah (OACP) JPA yang berperanan memantau, menilai dan melapor pencapaiannya.

Mesyuarat Jawatankuasa Antirasuah (JAR) JPA hendaklah berfungsi sebagai platform utama yang menerima laporan, membincangkan dan membuat keputusan dan memantau pelaksanaan inisiatif-inisiatif OACP sepertimana yang dinyatakan dalam perkara 6.1.8 – Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2018, Siri 2 No. 1 Tahun 2019 Pemantapan Tadbir Urus, Integriti dan Antirasuah Dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia: Pelaksanaan Pelan Antirasuah Nasional.

Bagi memantapkan sistem pemantauan pelaksanaan Pelan Antirasuah (OACP) JPA, keterlibatan dan kerjasama yang menyeluruh daripada Pihak Pengurusan tertinggi, warga JPA, pelanggan dan pemegang taruh adalah penting agar OACP JPA bergerak seiring dengan NACP yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.

Jawatankuasa Pelaksanaan dan Pemantauan OACP JPA hendaklah ditubuhkan dan melaksanakan tugas-tugas seperti berikut:

- a. Mesyuarat Jawatankuasa Anti-Rasuah Peringkat Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Agensi
 - ▶ Melaporkan status pencapaian dan pelaksanaan OACP JPA
 - ▶ Membincangkan isu-isu berkenaan integriti, governans dan rasuah di Jabatan
- b. Mesyuarat Jawatankuasa Antirasuah (JAR) Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)
 - ▶ Pembentangan status pencapaian dan pelaksanaan inisiatif di bawah OACP sebanyak tiga (3) kali setahun
 - ▶ Mengenal pasti penyelesaian terbaik isu-isu berkenaan integriti, governans dan rasuah di Jabatan
 - ▶ Membuat keputusan penting selari dengan kepentingan organisasi

- c. Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan dan Pemantauan OACP JPA
- ▶ Memastikan inisiatif-inisiatif dalam OACP dilaksanakan berdasarkan sasaran dan tempoh masa yang ditetapkan.
 - ▶ Mengemukakan pelaporan pelaksanaan inisiatif secara suku tahun kepada Unit Integriti selaku Urus Setia Induk OACP

4.2 MEKANISME PENYELARASAN, PEMANTAUAN DAN PENILAIAN

Penyelaras OACP Bahagian/Unit perlu melaksanakan pemantauan :

- i. Membuat perbandingan pencapaian dengan sasaran
- ii. Membincangkan segala kekangan atau cabaran dalam Mesyuarat Pengurusan Bahagian/Unit
- iii. Menyediakan pelaporan kepada Unit Integriti pada setiap suku tahun

Unit Integriti selaku urus setia induk OACP JPA perlu melaksanakan penyelarasan seperti berikut

- i. Menasihati dan mengenalpasti penyelesaian terbaik untuk OACP
- ii. Melaporkan status pelaksanaan OACP setiap suku tahun kepada pengurusan tertinggi
- iii. Bahagian/ Unit melalui JAR JPA mengemukakan laporan setiap suku tahun kepada Unit Integriti

Penilaian terhadap keberkesanan OACP hendaklah dilaksanakan dari semasa ke semasa yang bertujuan untuk:

- i. Mengenal pasti kelemahan dan kekuatan setiap pelan tindakan.
- ii. Menilai sama ada pelan tindakan menyokong ke arah objektif yang ingin dicapai.
- iii. Memastikan bahawa aktiviti dilaksanakan seperti yang dirancang.
- iv. Memberikan maklum balas yang bersesuaian berdasarkan situasi apabila diperlukan.

BAB 5

Kesimpulan



Sebagai sebuah jabatan teras dalam perkhidmatan awam, JPA tidak terkecuali daripada ancaman amalan rasuah dan penyelewengan melibatkan warga kerja dalam organisasi. Usaha memerangi rasuah harus sentiasa dijadikan agenda utama khususnya di peringkat organisasi dengan melaksanakan pelbagai program kesedaran, pemerksaan kawalan dalaman serta mengenakan tindakan yang tegas terhadap mana-mana warga kerja yang melakukan kesalahan tatatertib mahupun jenayah. Selaras dengan itu, OACP JPA yang dibangunkan ini bertindak sebagai wawasan kerangka kerja untuk menjadikan JPA sebagai peneraju pembangunan sumber manusia perkhidmatan awam yang bersandarkan kepada prinsip integriti dan tadbir urus yang cemerlang.

OACP JPA telah menggariskan pelan tindakan antirasuah bagi tempoh satu (1) hingga lima (5) tahun untuk dilaksanakan. Berdasarkan kajian dan hasil dapatan penilaian semasa risiko secara menyeluruh, sebanyak 26 inisiatif telah digariskan dan akan diberikan keutamaan agar kelemahan dalam aspek integriti, governans dan rasuah dapat ditangani dengan sistematik. OACP JPA ini bertindak sebagai kawalan dalaman yang memainkan peranan penting untuk memastikan sebarang risiko rasuah dapat ditangani dengan berkesan.

Bagi memastikan keberkesanan OACP JPA ini, pelaksanaan keseluruhan inisiatif akan dipantau secara berterusan dan penilaian setiap tahun akan dilaksanakan. Keberkesanan setiap inisiatif akan dinilai mengikut perkembangan semasa supaya ianya selari dan menepati hasrat yang diharapkan. Komitmen semua pihak adalah pemangkin utama kepada kejayaan pelaksanaan OACP JPA ini dan secara langsung ianya dapat dijadikan panduan yang jelas berkaitan antirasuah kepada seluruh warga kerja. Pembangunan OACP JPA 2021-2025 ini juga merupakan gambaran komitmen penuh jabatan bagi merealisasikan usaha Kerajaan untuk memantapkan tadbir urus, integriti dan antirasuah dalam Sistem Pengurusan Pentadbiran Kerajaan sepertimana yang telah dinyatakan dalam NACP 2019–2023.

Selain itu, OACP JPA ini juga menjelaskan mekanisme penyelarasan, pemantauan dan penilaian bagi memastikan pelan tindakan di bawah OACP JPA dapat dilaksanakan seperti yang dirancang dengan berkesan. Bahkan OACP JPA ini dilihat sebagai satu “living document” yang akan sentiasa dikaji dan dikemas kini mengikut relevansi perubahan semasa.

Dengan adanya OACP JPA ini, ianya diharapkan bakal mewujudkan satu budaya kerja yang berintegriti, antirasuah dan beretika kepada warga JPA khususnya dan perkhidmatan awam amnya. Perancangan seumpama ini hendaklah dilaksanakan dengan komitmen yang tinggi di semua peringkat bagi memastikan ianya tidak hanya sekadar teori semata-mata, tetapi berupaya memberi impak yang besar kepada penyampaian perkhidmatan awam di Malaysia.



Rasulullah SAW

bersabda yang bermaksud:

“Kamu sekalian adalah pemimpin dan kamu juga akan diminta bertanggungjawab terhadap apa yang kamu pimpin. Ketua atau imam adalah pemimpin dan ia akan diminta bertanggungjawab terhadap apa yang dipimpin. Suami adalah pemimpin dalam keluarganya dan dia akan bertanggungjawab terhadap apa yang dipimpin. Isteri juga pemimpin dalam mengendalikan rumah tangga suaminya dan dia juga akan ditanya tentang apa yang dipimpinnya, dan pembantu rumah tangga juga pemimpin dalam mengawasi harta benda majikannya dan dia juga akan ditanya tentang apa yang dipertanggungjawabkan kepadanya.”

— (Riwayat al-Bukhari)



Penghargaan

Sekalung penghargaan dirakamkan kepada Pengurusan Tertinggi JPA dan semua pihak dan individu yang terlibat di dalam pembangunan PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI (OACP) JPA 2021-2025.

Penaung

TAN SRI MOHD KHAIRUL ADIB BIN ABD RAHMAN

Penasihat

DATUK SERI HJ. SUHAIME BIN MAHBAR

DATO' DR ROSE LENA BINTI LAZEMI

Pengerusi JK Pembangunan OACP JPA 2021-2025

DATO' PAUZAN BIN AHMAR

Ahli JK Pembangunan OACP JPA 2021-2025

Encik Sri Ram a/l Letchimanan
Encik Muhamad Azrin bin Ahmad
Puan Aifaa binti Ariff
Encik Azaharuldin bin Abdullah
Encik Mistuman bin Hamin
Encik Shahrizal bin Nuar@Anuar
Encik Saiful bin Abdul Malek
Encik Azrul bin Mat Said
Encik Azery bin Sakawi
Encik Haffiz bin Hashim
Puan Lau Pek Jin
Puan Sandana Kumari a/p Sothi
Puan Safura binti Sabir
Encik Kamarul bin Abu Bakar
Puan Aimi Nazirah Binti Abd Razak
Puan Siti Saudah binti Marjom
Puan Suriawati binti Awang
Puan Syazwani binti Kepli
Puan Nor'azlina binti Mohd Tajuddin
Puan Rosliza binti Razi
Puan Asmidah binti Saung
Encik Joseph Anak Ngalambai
Encik Ishak bin Abdul Karim
Encik Mohd Hafidz bin Abd Manap
Puan Helmi Wati binti Almi
Puan Ros Kamaliah binti Haji Shamsudin
Encik Muhammad Sha'ad bin Othman

Urus Setia

Encik Ezmil Ariff bin Mohd Khairan
Puan Milah binti Rabun
Encik Ahmad Ammar Amsyar bin Suriadi
Puan Lina Azlinda binti Kamaruddin
Puan Nurharlina binti Mohd Sahli





JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
Blok C1-C3, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P Putrajaya